

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
(SUNGAI BULOH)**

SOALAN

TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk setiap penjara di Malaysia, jumlah had kapasiti setiap penjara, dan jumlah-jumlah banduan dan tahanan yang kini dikurung setakat 15 Oktober 2020, dan sekiranya ada penjara yang telah melebihi kapasiti asal, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Jabatan Penjara pada 19 Oktober 2020, jumlah banduan yang terdapat di 39 buah institusi penjara adalah seramai 66,791 iaitu 20,371 (43.88%) melebihi kapasiti 46,420.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi menangani masalah kesesakan atau kepadatan penghuni di dalam penjara, Jabatan Penjara Malaysia bukan sahaja telah mengambil pendekatan pembinaan penjara baru malah beberapa langkah proaktif turut diambil untuk masalah tersebut. Di antaranya adalah:

- i. Mempergiatkan pelaksanaan Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib dan Pusat Pemulihan Pemasarakatan yang mana sehingga kini telah melibatkan seramai 59,018 orang yang telah dan sedang menjalani pemulihan di luar penjara;
- ii. Melalui pindaan Peraturan-Peraturan Penjara 2000, Program Pembebasan Banduan Secara Lesen (PBSL) boleh dilaksanakan terhadap banduan yang dihukum penjara kurang dari 1 tahun. Terdapat sekitar 11,000 banduan warga negara Malaysia yang dihukum dengan hukuman kurang dari setahun dan setelah layak dari segi tempoh hukuman yang telah dijalani, tahap pemulihan yang dicapai, komitmen keluarga atau majikan mereka akan layak dibawa untuk pertimbangan Lembaga Pembebasan Banduan Secara Lesen.
- iii. Lembaga tersebut terdiri daripada beberapa pihak luar. Melalui mesyuarat pertamanya pada awal Oktober 2020, Lembaga tersebut telah menilai laporan untuk kira-kira 1,200 banduan yang layak dan telah mengesyorkan kepada Komisioner Jeneral Penjara sejumlah banduan yang wajar diberikan pembebasan banduan secara lesen pada bulan Oktober 2020.

SOALAN NO : 437

- iv. Meningkatkan keberkesanan pemulihan dan latihan bagi mengurangkan kemasukan semula banduan ke penjara selepas mereka dibebaskan;
- v. Mengubahsuai penjara sedia ada bagi meningkatkan kapasiti;
- vi. Menjalinkan kerjasama dengan pihak Mahkamah dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang banduan warga asing yang telah selesai menjalani hukuman;
- vii. Meneliti keperluan pindaan perundangan berkaitan cadangan penyahjenayahan kesalahan penyalahgunaan dadah serta dasar pengalihan penyalahgunaan dadah dari hukuman penjara ke program rawatan dan pemulihan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-undang pada 21 Julai 2020. Akta baharu yang dicadangkan dan akan dikenali sebagai Akta Penyalahgunaan Dadah dan Substance bagi menggantikan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 sedang diperhalusi. Cadangan pindaan ini mempunyai kaitan dengan statistik banduan sabitan di bawah Seksyen 15 (1) Akta Dadah Berbahaya 1952 berjumlah 4,075 banduan di seluruh penjara di Malaysia;
- viii. Menjadikan kem PLKN sebagai Penjara Sementara di bawah Seksyen 8(1) Akta Penjara 1991, bagi penempatan banduan banduan sabitan dan reman kategori keselamatan minima. Penjara sementara tersebut akan bertindak sebagai *admission prison*; dan
- ix. Meneliti kesesuaian alternatif lain kepada hukuman pemenjaraan dan pelaksanaan program pemulihan di luar penjara yang mungkin boleh dilaksanakan di Malaysia seperti tahanan rumah (*home detention*), perintah koreksional (*correctional order*) dan perintah pengawasan penjara (*prison supervision*).